

# Barisan Nasional boleh singkir Usno

KUALA LUMPUR: Usno akan disingkirkan daripada Barisan Nasional (BN) jika membentuk kerajaan campuran dengan Parti Bersatu Sabah (PBS), kata Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Presiden Umno menegaskan, Usno mesti keluar daripada BN jika terbabit dengan pakatan itu.

"Kalau Usno nak buat demikian (menubuhkan kerajaan campuran bersama PBS), mereka kena keluar daripada BN. Mereka akan disingkirkan," katanya kepada pemberita.

Beliau mengulas laporan bahawa PBS pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Usno yang diterajui Datu Amir Kahar Tun Mustapha, di peringkat akhir perbincangan untuk membentuk kerajaan campuran di Sabah.

Menurut Dr Mahathir, laporan mengenai kemungkinan kedua-dua parti itu membentuk kerajaan campuran di Sabah adalah antara perkara utama dibincang dalam mesyuarat MT selama tiga jam itu.

"Kita tidak mendapat maklumat sahih mengenai perkara itu dan kita (mesyuarat MT) tidak membuat sebarang keputusan," katanya.

Usno ialah anggota komponen BN di Sabah selain Umno, parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dan Parti Liberal Demokratik (LDP). Usno mempunyai 11 Adun manakala PBS menguasai 42 kerusi, termasuk enam yang dilantik. Kerusi tunggal Umno iaitu Usukan yang diwakili Mustapha.

Laporan semalam menyebut, pemimpin kanan PBS dan Usno mengadakan perbincangan mengenai kemungkinan membentuk kerajaan campuran di Sabah.

Dr Mahathir mengakui ada ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Usno menyuarakan rasa tidak puas hati kerana mereka tidak boleh menyertai Umno disebabkan oleh undang-undang di Sabah.